

08 JUN 2003

Bank-CTOS

OPERASI CTOS SDN BHD AKAN DIKAJI SEMULA, KATA DR SHAFIE

KUALA TERENGGANU, 8 Jun (Bernama) -- Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengkaji keseluruhan operasi CTOS Sdn Bhd yang didakwa gagal berfungsi dengan cekap hingga menjejaskan peluang usahawan mendapatkan pinjaman, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Beliau berkata CTOS yang berperanan membekalkan maklumat status kewangan bakal peminjam kepada institusi kewangan tempatan seringkali menyampaikan maklumat kurang tepat hingga ada daripada pengusaha menjadi mangsa akibat kesilapan syarikat itu.

Dr Shafie berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Taklimat Skim Mikro Kredit Bank Simpanan Nasional (BSN)/Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) peringkat Terengganu di Pusat Dagangan Terengganu di sini, hari ini.

Ada juga peserta taklimat hari ini yang membangkitkan tindakan bank yang tidak meluluskan pinjaman kepada para peniaga kerana laporan daripada CTOS menyatakan bahawa individu itu bankrap sedangkan mahkamah belum menjatuhkan hukuman, katanya.

"Kita (Kementerian Kewangan) akan berbincang dengan Bank Negara Malaysia untuk melihat keadaan (aduan) ini, bagaimana kita boleh atasi masalah ini," katanya.

Mengenai dasar bank untuk bakal peminjam, Dr Shafie berkata sekiranya seseorang itu diisytiharkan bankrap atau muflis, mereka akan disenaraihitamkan daripada membuat pinjaman.

Dr Shafie berkata Kementerian Kewangan juga akan berbincang dengan BNM mengenai CCRIS, iaitu data senarai peminjam yang terletak di bawah BNM, supaya ia turut dijadikan rujukan oleh bank untuk proses pinjaman.

Ditanya berhubung tindakan bank yang juga menyenaraihitamkan penjamin daripada membuat pinjaman, beliau mahu bank supaya berusaha lebih bersungguh-sungguh untuk mencari peminjam dan tidak sewenang-wenangnya menghukum penjamin atas kegagalan peminjam melunaskan hutang.

"Kita mahu bank cari peminjam terlebih dulu, suruh mereka bayar. Kalau dah usaha tak boleh baru cari penjamin bukan seperti sekarang, bank ambil mudah, mereka terus cari penjamin," katanya.

Beliau berkata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim akan membentangkan perkara itu pada sesi Parlimen akan datang pada 16 Jun ini.

Sementara itu, Pengurus Kanan Negeri BPMB cawangan Terengganu, Wan Mamat Wan Derasid berkata sebanyak 10 daripada 67 permohonan menerusi skim itu di Terengganu sudah diluluskan membabitkan jumlah pinjaman sebanyak RM175,000.

Katanya jumlah pinjaman yang diluluskan di seluruh negara setakat tiga hari lepas sejak ia dilancarkan pada 3 Jun adalah sebanyak 55 daripada 411 permohonan, berjumlah RM815,000.

Dalam pada itu, Pengurus Besar BSN Abu Huraira Abu Yazid berkata syarat umur maksima semasa tamat pinjaman dilanjutkan dari 55 tahun kepada 60 tahun.

Dalam pembentangan Pakej Strategi Baru berjumlah RM7.3 bilion oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 21 Mei lepas, sebanyak RM1 bilion diperuntukkan bagi Skim Mikro Kredit untuk membantu peniaga kecil mendapatkan laluan pembiayaan mudah.

Daripada jumlah itu, RM500 juta dikendalikan BPMB dan RM300 juta oleh

BSN, manakala RM200 juta diperuntukkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

-- BERNAMA

ERE PR